

UTUSAN MALAYSIA : 20 SEPTEMBER 2018

MELAKA AKAN MENGADAKAN KEMPEN TANAM POKOK HUTAN



Adly Zahari

MELAKA 20 Sept. - Kerajaan negeri akan mengadakan kempen penanaman pokok hutan sempena Hari Alam Sekitar khususnya di kawasan penambakan laut milik kerajaan negeri yang masih belum mempunyai plan pembangunan.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, kempen tersebut akan mula dilaksanakan pada 26 Oktober depan dengan kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan tambakan laut yang akan ditanam pokok dengan keluasan 37.59 hektar (92.9 ekar)

“Tindakan ini selaras dengan plan pembangunan semula pokok hutan yang bermatlamat bagi memulihkan biodiversiti dan juga jaringan ekologi alam sekitar di peringkat kerajaan.

“Pada masa sama, itu juga adalah plan jangka panjang bagi kita memastikan bahawa kita masih mempunyai tanah-tanah yang akan diwariskan kepada generasi akan datang,” katanya yang turut memaklumkan, Jabatan Perhutanan negeri akan menjayakan kempen tersebut.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang akhbar pasca Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di pejabatnya di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini sebentar tadi. -
UTUSAN ONLINE